



13 JUL, 2024

Pelaburan projek utama NETR dianggar RM60.7b

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Pelaburan projek utama NETR dianggar RM60.7b

Anggaran terkini sasaran keberhasilan projek dan inisiatif utama Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dari segi pelaburan adalah bernilai RM60.7 bilion berbanding anggaran awal sebanyak RM25 bilion, menurut Kementerian Ekonomi.

Kementerian itu menjelaskan anggaran tersebut adalah berdasarkan laporan kemajuan Mac 2024 berbanding anggaran semasa pelancaran pada 29 Ogos 2023.

"Anggaran pekerjaan pula

adalah berjumlah 84,544 (pembangunan dan pascaprojek) berbanding anggaran awal iaitu 23,000 manakala pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) dianggarkan 24,264 berbanding anggaran awal 10,000 gigagram CO₂ setara setiap tahun," menurutnya dalam jawapan bertulis yang disiarkan di laman sesawang Parlimen pada Khamis.

Menurut kementerian itu, kerajaan komited untuk memastikan pengurusan peralihan tenaga berdasarkan pendekatan

keseluruhan negara melibatkan kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, industri, masyarakat awam dan komuniti antarabangsa bagi memastikan kesepaduan perancangan dan pelaksanaan dasar dalam mengimbangi keadaan sukar tenaga iaitu jaminan bekalan tenaga, kemampuan membayar dan kelestarian alam sekitar.

"Keberkesanan pelaksanaan NETR dijangka dapat meningkatkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar Negara (KDNK), pewujudan pe-

luang pekerjaan, peningkatan sosioekonomi rakyat, jaminan bekalan tenaga dan kelestarian alam sekitar," tambahnya.

Kementerian itu menjelaskan Belanjawan 2024 telah menyediakan Fasiliti Mudah Cara Peralihan Tenaga Negara (NETF) dengan dana berjumlah RM2 bilion.

"Kementerian Ekonomi sedang memuktamadkan modaliti pelaksanaan NETF untuk dilancarkan pada suku ketiga tahun ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pula sedang menge-

maskini Taksonomi Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) untuk mengukuhkan pelaburan bagi aktiviti ekonomi berdasarkan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Kementerian itu menjawab soalan Datuk Seri Dr Shahidan Kasim (PN-Arau) mengenai laporan status pelaksanaan NETR dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 yang dilancarkan dalam usaha mengurusperdagangan peralihan tenaga naratif pembangunan negara.

BERNAMA